



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEBERKESANAN KAEDAH ORFF DALAM PEMBELAJARAN RITMA DAN UNTUK
PELAJAR-PELAJAR MUZIK GAMELAN SEKOLAH MENENGAH RENDAH**

WONG HUEY YI @ COLLEEN WONG



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TELAH DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA KESENIAN (SENI PERSEMBAHAN)**

**PUSAT KEBUDAYAAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

MAC 2008



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya akui bahawa penulisan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan, di mana tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

WONG HUEY YI @ COLLEEN WONG

RGA 030014

MAC 2008



**UNIVERSITI MALAYA****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: Wong Huey Yi @ Colleen Wong (No. K.P: 750401-01-7210)

No. Pendaftaran/Matrik: RGA 030014

Nama Ijazah: Ijazah Sarjana Kesenian (Seni Persembahan)

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis

("Hasil Kerja ini"):

Keberkesanan Kaedah Orff Dalam Pembelajaran Ritma

Untuk Pelajar-Pelajar Muzik Gamelan Sekolah Menengah

Rendah

Bidang Penyelidikan: Pendidikan Muzik



Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah diperlakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;





- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Karya ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

17/03/08

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh 17.03.08



Nama: UMMU AIMAN BT ABD KARIM

Jawatan: PEN PENDAFTAR



**PENGHARGAAN**

Rasa syukur saya kepada Tuhan Yang Maha Esa atas rahmatnya kerana memberikan kekuatan dan ketabahan kepada saya di dalam seluruh proses penulisan ini.

Ucapan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia dan pensyarah saya, Dr. Pan Kok Chang, di atas dorongan, komen, kritikan dan tunjuk ajarnya yang saya kira amat bernilai selama ini.

Tidak dilupakan kepada sahabat-sahabat serta rakan-rakan sekerja yang sentiasa memberikan sokongan, pertanyaan dan persoalan yang membina setiap kali berjumpa.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada sekolah yang telah membenarkan saya menjalankan kajian ini.

Khasnya En. Rodzi yang merupakan guru muzik di sekolah tersebut.

Juga kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah menaja biasiswa kepada saya untuk melanjutkan Sarjana di Universiti Malaya.

Akhir sekali, ucapan terima kasih yang teristimewa ditujukan kepada semua ahli keluarga saya khasnya bapa saya, Charlie Wong dan ibu saya, See Ah Kiam yang banyak memberikan sokongan kepada saya selama ini.





Tujuan kajian berbentuk esperimental ini adalah untuk menentukan keberkesanan kaedah Orff dalam pembelajaran konsep muzik (ritma), minat dan intepretasi pada alat muzik gamelan. Seramai 30 orang pelajar ($n=30$) tingkatan 2 dari sebuah sekolah menengah rendah di Klang, Selangor telah didedahkan kepada rancangan mengajar yang direka oleh pengkaji. Penggunaan alat muzik gamelan Melayu berpandukan rancangan mengajar selama 4 minggu menggunakan dua repertoir tradisional gamelan dan satu gubahan lagu rakyat Malaysia diajar menggunakan kaedah Orff. Satu set soal selidik telah diberi pada permulaan dan penghujung kajian.



Penggunaan *Statistical Packages for the Social Sciences*

(SPSS) digunakan untuk mendapatkan hasil ujian-t berpasangan. Ujian ini menunjukkan terdapatnya perbezaan signifikan penerimaan pelajar ke atas kaedah ini pada ritma $p<0.05$ ($p=0.01$), minat pelajar $p<0.05$ ($p=0.00$), dan intepretasi $p<0.05$ ($p=0.047$). Secara keseluruhannya, perbezaan yang signifikan iaitu $p<0.05$ ($p=0.00$) menunjukkan bahawa penggunaan kaedah Orff dalam pengajaran dan pembelajaran adalah berkesan.



**ABSTRACT**

The purpose of this experimental study is to determine the effectiveness of Orff approach in the learning of rhythm as well as evaluating the students' interest and interpretation on gamelan. A group of 30 Form Two students (n=30) from a secondary school in Klang, Selangor was exposed to 4 weeks of Gamelan lesson plans created by the researcher. Two traditional pieces as well as a new arrangement of a Malaysian folk song has been used in the learning process using Orff approach. Pre-test and post-test was given out before and after the treatment. Paired t-test from *Statistical Packages for the Social Sciences* (SPSS) was used to obtain the result. Result indicated significant difference in rhythm $p < 0.05$ ($p = 0.01$), students' interest $p < 0.05$ ($p = 0.00$), and interpretation $p < 0.05$ ($p = 0.047$). Overall, the result shows a significant difference, $p < 0.05$ ($p = 0.00$) which indicates that Orff approach in teaching and learning process is effective.



**ISI KANDUNGAN****Mukasurat**

Pengakuan	i
Penghargaan	iv
Abstrak	v
Abstract	vi

Bab 1 Pendahuluan

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	8
1.2 Pernyataan Masalah	10
1.3 Objektif Kajian	11
1.4 Hipotesis	12
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.7 Batasan Kajian	15
1.8 Definasi Istilah	16
1.8.1 Bentuk	16
1.8.2 Dinamik	16
1.8.3 Gamelan Melayu	16
1.8.4 Harmoni	16
1.8.5 Melodi	16
1.8.6 Muzik Malaysia	17
1.8.7 Muzik Sinkretik	17
1.8.8 Kaedah Orff	17
1.8.9 Perkusi Badan	18



1.8.10	Ritma	18
1.8.11	Skala Pentatonik	18
1.8.12	Interpretasi	18
1.8.13	Minat	18

Bab 2 Tinjauan Literatur

2.0	Pengenalan	19
2.1.	Gamelan	19
2.1.2	Alatan Gamelan	21
2.1.2.1	Polifoni di dalam Gamelan Melayu	24
2.1.3	Melodi	25
2.1.4	Sistem Tonal	26
2.1.5	Form	27
2.1.6	Irama/Ritma	27
2.1.7	Notasi	28
2.2	Orff Schulwerk	28
2.2.1	Ciri-ciri Orff	31
2.2.2	Peralatan Muzik Orff	36
2.3	Sukatan KBSM	37

Bab 3 Metodologi Kajian

3.0	Pengenalan	42
3.1	Sumber Primer dan Sekunder	42
3.1.1	Sumber Primer	42
3.1.2	Sumber Sekunder	43
3.2	Reka Bentuk Kajian	43

3.3 Kerja Lapangan	46
3.4 Populasi dan Sampel Kajian	48
3.5 Instrumen Kajian	49
3.5.1 Soal Selidik	49
3.6 Skop Kajian	50
3.7 Pelan Kajian	51
3.8 Perancangan Modul Mengajar	51

Bab 4 Dapatan Kajian

4.0 Pengenalan	58
4.1 Laporan Pengajaran (Bahagian A)	59
4.1.1 Laporan Pengajaran Sesi Pertama	59
4.1.2 Laporan Pengajaran Sesi Kedua	60
4.1.3 Laporan Pengajaran Sesi Ketiga	60
4.1.4 Laporan Pengajaran Sesi Keempat	61
4.2 Ciri-Ciri Respondan (Bahagian B)	61
4.2.1 Jantina Dan Bangsa	62
4.2.2 Pendidikan Muzik Di Sekolah Rendah	62
4.2.3 Kemahiran Membaca Notasi Pada Baluk	63
4.3 Analisa Kajian (Bahagian C)	64
4.3.1 Dapatan Kajian (Bahagian 1)	65
4.3.2 Dapatan Kajian (Bahagian 2)	87

BAB 5 Perbincangan dan Kesimpulan

5.0 Pengenalan	93
5.1 Ringkasan Kajian	93

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian 94

- | | | |
|-------|--|----|
| 5.2.1 | Topik Pertama: Pendapat Para Pelajar Tentang Penyertaan Kelas Muzik Dan Kebolehan Mempersembahkan Muzik Gamelan. | 94 |
| 5.2.2 | Topik Kedua: Pendapat Para Pelajar Tentang Penguasaan Alat Muzik Dan Repertoire Gamelan. | 95 |
| 5.2.3 | Topik Ketiga: Pendapat Para Pelajar Tentang Penguasaan Ritma Muzik Gamelan | 96 |
| 5.2.4 | Topik Keempat: Pendapat Para Responden Tentang Penguasaan Notasi Dan Hafalan | 99 |
| 5.2.5 | Topik Kelima: Pendapat Para Pelajar Tentang Kepentingan Dinamik Dan Kerjasama Dalam Kumpulan | 99 |

5.3 Implikasi Kajian 100

5.4 Cadangan 102

5.5 Kesimpulan 105

Biblografi 107

Lampiran 116

**SENARAI JADUAL**

Jadual 2.1	Pecahan Dua Budaya	19
Jadual 2.2	Pembahagian Muzik Mengikut Genre	20
Jadual 3.1	Jadual Rancangan Pengajaran	55
Jadual 4.1	Taburan Responden Berdasarkan Bangsa	62
Jadual 4.2	Taburan Pendidikan Muzik Sekolah Rendah Responden	63
Jadual 4.3	Taburan Kemahiran Membaca Notasi Pada Baluk	64
Jadual 4.4	Pendapat Para Responden Tentang Penguasaan Alat Muzik Gamelan	70
Jadual 4.5	Pendapat Para Responden Tentang Repertoire Gamelan Tradisional	71
Jadual 4.6	Pendapat Para Responden Sama Ada Ritma Senang Dipelajari Sebelum Bermain	73
Jadual 4.7	Pendapat Para Responden Sama Ada Ritma Lebih Senang Dipelajari Selepas Tahu Bermain Repertoire	75
Jadual 4.8	Pendapat Para Responden Sama Ada Ritma Lagu Gamelan Tradisional Mudah Dimainkan	76
Jadual 4.9	Pendapat Para Responden Sama Ada Perkusi Badan Membantu Dalam Pembelajaran Ritma	78
Jadual 4.10	Pendapat Para Responden Sama Ada Permainan Melalui Notasi Lebih Mudah	79
Jadual 4.11	Pendapat Para Responden Sama Ada Permainan Melalui Penghafalan Lebih Mudah	81



Jadual 4.12	Pendapat Para Responden Tentang Kepentingan Dinamik Dalam Membawakan Sesebuah Lagu	83
Jadual 4.13	Pendapat Para Respoden Tentang Kerjasama Dalam Kumpulan	84
Jadual 4.14	Keputusan Keberkesanan Pengaplikasian Pendekatan Orff Di Dalam Pembelajaran Muzik Gamelan	86
Jadual 4.15	Keputusan Ujian-t Berpasangan Bagi Semua Soalan Soal Selidik	89
Jadual 4.16	Keputusan Ujian-t Berpasangan Pada Persoalan Kajian-Ritma	90
Jadual 4.17	Keputusan Ujian-t Berpasangan Pada Persoalan Kajian-Minat	91
Jadual 4.18	Keputusan Ujian-t Berpasangan Pada Persoalan Kajian-Intepretasi	92

**LAMPIRAN CARTA**

Carta 4.1	Pendapat Para Pelajar Tentang Minat (kesediaan) Menghadiri Kelas Muzik	66
Carta 4.2	Pendapat Para Pelajar Tentang Menguasai Alat Gamelan	68



Lampiran A	Skor Permainan Cincang	117
Lampiran B	Surat Kebenaran Kementerian Pendidikan Malaysia	119
Lampiran C	Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri	120
Lampiran D	Borang Soal Selidik	121
Lampiran E	Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran	126
Lampiran F	Repertoir Lagu Gamelan	147

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Terbentuknya kurikulum di sekolah menengah yang telah diperbaharui dan sekolah seni yang bakal muncul, pendidikan muzik di Malaysia boleh dikatakan sedang melalui satu arus perubahan yang menjadikan pendidikan muzik di Malaysia diperakui.

Pendidikan muzik di Malaysia boleh terbahagi kepada dua iaitu formal dan tidak formal (Johami Abdullah, 1997). Formal di sini bermaksud pelajar diperlukan untuk lulus dalam ujian-ujian tertentu berdasarkan sukatan pelajaran yang ditentukan seperti Associated Board of Royal School of Music (ABRSM), Trinity College of Music, Guildhall School Of Music, London dan lain-lain. Ia juga dijalankan di sekolah, mahupun institusi pengajian. Menurut (Ee, 2003) pembelajaran formal merupakan satu sistem pendidikan yang dilembagakan dan disusun secara berperingkat-peringkat berdasarkan umur seseorang individu. Ia bertujuan untuk mengembangkan domain kognitif (aspek mental), afektif (nilai dan sikap) dan psikomotor (kemahiran).

Pendidikan muzik tidak formal pula merupakan pembelajaran yang berdasarkan kepada imitasi berpanduan apa yang dilihat dan didengar ataupun dikenali sebagai pembelajaran *rote-learning*.

Pendidikan tidak formal pula dapat dibahagikan kepada pembelajaran informal dan bukan formal. Menurut Johami Abdullah (1997), pembelajaran informal boleh ditakrifkan sebagai pembelajaran yang didapati daripada aktiviti-aktiviti seperti menonton televisyen, membaca surat khabar, mendengar radio dan lain-lain. Ia tidak mempunyai ujian-ujian formal yang harus diduduki. Juga menurut Ee (2003), ia banyak terhasil kerana naluri ingin tahu manusia untuk menerokai dan mengetahui sesuatu yang baru.

Bukan formal pula merupakan pembelajaran yang tidak wajib. Ia menekankan kemahiran yang berkaitan dengan tugas ataupun kehidupan seharian. Contoh pembelajaran bukan formal adalah seperti menyertai kursus-kursus kaedah pengajaran alatan muzik seperti rekoder, komputer muzik dan lain-lain.

Di Malaysia, modul pendidikan muzik di sekolah rendah dan menengah adalah berdasarkan kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Namum begitu, matapelajaran muzik disekolah masih lagi kurang diminati ataupun sekolah tersebut tidak menawarkannya. Ini adalah kerana ramai guru yang mengajar muzik kurang peka dengan cara pengajaran yang berkesan dan sistematik. Begitu juga dengan penggunaan kaedah pengajaran seperti Kodaly, Orff, Suzuki, dan Gordon. Kadang-kala perkara ini terjadi juga adalah kerana guru muzik itu sendiri tidak diberi peluang untuk mengikuti kursus-kursus pengajaran muzik secara lebih mendalam

Ada juga guru yang mengajar muzik bukanlah dari opsyen muzik. Masalah ini juga secara tidak langsung berkaitan dengan kualiti pentadbiran dan penyeliaan muzik yang ditadbir oleh pihak yang tiada berkaitan dengan muzik (Johami Abdullah, 1997). Menurut Hwei-Hwei (1991), didalam kajiannya, beliau juga mendapati masalah yang sama dihadapi oleh guru di negara China juga. Menurut Thompson (1999), guru muzik selalunya akan menghadapi dua isu iaitu dengan pentadbir dan penggunaan cara pengajaran (pedagogi).

Pada tahun 1996, muzik di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mula diperkenalkan kepada pelajar menengah rendah iaitu tingkatan 1 hingga 3 dari 20 sekolah bestari di Malaysia. Ia kemudiannya diperkenalkan di tingkatan 4 pada tahun 1999. Pada tahun 2000 pula, kesemua sekolah bestari menengah rendah dan menengah atas telah didedahkan kepada kurikulum muzik.

Pada ketika ini, cuma 130 buah sekolah menengah di Malaysia menawarkan kurikulum muzik (Bakhtiar, 2005). Tidak semua sekolah menengah mampu mengadakan kelas muzik. Ini berkemungkinan berpunca daripada kekangan seperti kewangan, tidak minat, kekurangan infrastruktur dan lain-lain. Tambahan pula, muzik masih lagi bukan matapelajaran wajib di sekolah menengah.

Gamelan Melayu adalah antara alat muzik yang diperkenalkan semasa kurikulum muzik sekolah menengah mula

Semenjak itu, ianya mula dipraktikkan di sekolah sehinggalah sekarang. Akan tetapi tidak semua sekolah yang mempunyai kurikulum muzik mempunyai set gamelan kerana kos satu set gamelan adalah tinggi, lebih daripada RM10,000.

Terdapat 2 jenis gamelan di Malaysia iaitu gamelan Johor dan gamelan Terengganu. Pada masa sekarang, gamelan Terengganu lebih dikenali sebagai Gamelan Melayu (Matusky & Tan, 1997, m.s. 92). Ini adalah akibat daripada perubahan ciri-ciri muzik dan tarian yang telah diserasikan mengikut budaya di Malaysia.

Gamelan Melayu dan Johor banyak berkaitan rapat dengan sejarah kesultanan kerajaan Riau-Lingga. Menurut kenyataan D.Cruz (1978):

Gamelan in Malaysia is both post-court practise-it origin in the east-coast Malay sultanates and the suggested link with the Javanese courts via the Riau Lingga sultanate-and an inovative contemporary practise.

Oleh itu tidak hairanlah gamelan Melayu wujud disebabkan perkahwinan kerabat diraja antara kerajaan Pahang dan Riau-Lingga pada abad ke-19. Ia kemudiannya berkembang ke Terengganu pada abad ke-20, juga kerana perkahwinan. Oleh itu, dapat diketahui bahawa gamelan hanya dimainkan pada kerabat diraja atau dikalangan orang-orang berada pada zaman tersebut.

Gamelan Johor di Johor pula dikenali sebagai gamelan Jawa. Gamelan Jawa wujud disebabkan kemasukan imigran Jawa ke Johor dan melalui penjajahan pada zaman kesultanan Melaka. Mereka telah membawa masuk teater tari seperti Barongan dan juga gamelan (Ghulam, S. 2004). Seperti juga gamelan Melayu, gamelan Jawa berasal daripada Pulau Jawa Tengah menurut Matusky & Tan (1997).

Pada hari ini, gamelan Melayu diajar di institusi-institusi pengajian tinggi seperti Universiti Malaya, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Teknologi Mara dan sebagainya. Ianya juga diajar di institusi-institusi perguruan yang menawarkan program muzik seperti Institusi Perguruan Ilmu Khas dan juga sekolah-sekolah menengah yang terpilih. Gamelan Melayu diajar sebagai subjek penting dan kadang-kala sebagai subjek ko-kurikulum.

Set gamelan Melayu yang digunakan pada masa sekarang adalah hasil daripada adaptasi dan penambahan alatan ketika ianya diperkenalkan di istana Terengganu pada tahun 1960-an.

Repertoir-repertoir baru dari segi komposisi dan gubahan baru gamelan pula telah berkembang dari tahun ke tahun. Walaubagaimanapun, repertoir tradisional masih lagi dimainkan kerana ia merupakan asas kepada permainan gamelan Melayu. Alayharham Dr. Arif Ahmad, seorang pensyarah dan tokoh muzik di Malaysia telah menulis repertoir gamelan

bertajuk *Lagu-lagu Gamelan* terbitan Universiti Malaya.

Kumpulan *Rhythm in Bronze* (dibawah Sunetra Fernando) dan *Gamelan Club* (dibawah Shahanum Mohamad Shah) iaitu dua buah kumpulan gamelan kontemporari, juga banyak menghasilkan repertoire-repertoire baru bersama komposer-komposer seperti Suhaimi Mohd. Zain, Sunetra Fernando dan Tan Sooi Beng. Ciptaan mereka mempunyai cubaan memasukkan identiti Malaysia yang baru kedalam muzik gamelan. (Matusky & Sooi Beng, 2003). Menurut Ghulam (2004) juga, Dr.Ariff Ahmad dan Sunetra Fernando:

..attempted to bring a new Malaysian identity to gamelan music. Large and new formal structures, vocal parts and adaptations of others Southeast Asia gamelan styles. (pg. 123)

Alat muzik seperti gitar akustik, violin karnatik dan drum shigu dipadankan bersama gamelan Melayu dalam memainkan gubahan dan komposisi baru.

Komposisi dan gubahan baru seperti *Malu-Malu Kucing* menggunakan vokal lenggok asli dalam nyanyian korusnya dan Tan Sooi Beng dengan komposisinya yang bertajuk *Saling Berpelukan* menggunakan violin karnatik dalam persembahan gamelan *Rhythm in Bronze* di Dewan Filharmonik pada tahun 2004 (buku cenderamata *Rhythm in Bronze: Wujud Antara, 2004*). Konsert terbaru kumpulan *Rhythm in Bronze* iaitu *Alih PungGong* (buku cenderamata konsert *Alih PungGong, Rhythm in*

Bronze, 2007) ada juga menggubah semula sebuah repertoire tradisional gamelan iaitu lagu *Ketawang*. Gitar akustik telah diselitkan ke dalam gubahan tersebut pada *bridge* gubahan. Gubahan dan repertoire gamelan itu sendiri secara tidak langsung telah melalui proses evolusi dimana setiap fungsi alatan telah berubah mengikut kehendak repertoire lagu tersebut.

Pengajaran bermain muzik gamelan khasnya pembelajaran ritma merupakan objektif pengkaji dalam penyelidikan yang dijalankan. Di dalam pengajaran ini, aktiviti kaedah *Orff-Schulwerk* akan digunakan. *Schulwerk* bermaksud kerja-kerja di sekolah. Pengasasnya merupakan seorang komposer dari Jerman yang bernama Carl Orff (1895-1982). Aktiviti yang terdapat didalam kaedah ini contohnya menyanyi dalam kumpulan, bermain alatan muzik Orff, perkusi badan dan lain-lain akan digunakan untuk meningkatkan pembelajaran konsep muzik khasnya ritma. Orff percaya bahawa kanak-kanak merupakan medium yang terbaik digunakan pada kaedah ini. Akan tetapi, ia juga sesuai digunakan ke atas orang dewasa. Menurut Davies-Splitter, S.(2006):

Music is for everyone. Everyone can contribute to the experience regardless of age or ability.

Improvisasi merupakan antara akar tunjang kepada penciptaan muzik daripada pelajar dalam kaedah Orff. Ia juga merupakan satu proses kreativiti yang bertujuan melatih pelajar agar menjadi lebih kreatif. Secara tidak

langsung, mereka juga dapat membantu guru dalam

mengembangkan daya kreativiti pelajar disamping menjadikan kelas lebih aktif (Hickey & Webster, 2001). Selaras dengan sukatan program muzik Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di mana kreativiti, improvisasi, dan eksperimen banyak digunakan. Kesemua proses ini boleh didapati di dalam sukatan muzik KBSM pada aspek kreatif iaitu aspek ketiga yang ditekankan

1.1 Latar Belakang Kajian

Permainan gamelan secara tidak langsung dapat melatih pelajar untuk mendengar dan belajar untuk bermain di dalam sebuah ensemble. Ini adalah kerana gamelan itu sendiri mempunyai sembilan jenis alatan muzik. Untuk menghasilkan permainan dan muzik yang baik, setiap alatan haruslah bekerjasama agar dapat menghasilkan 'satu' muzik. Oleh itu rancangan pengajaran dan pembelajaran selama 4 minggu ditulis dengan berlandaskan kepada aspek-aspek muzik yang berpegang kepada sukatan (KBSM) dan pengajaran kaedah Orff di dalam kelas dengan penggunaan:

- a) Perkusi badan
- b) Set metalafon berpic iaitu gamelan dan tidak berpic, gendang.
- c) Pengucapan ritma (*rhythmic vocalisation*)-(mengeja ritma menggunakan suku kata buah-buahan) sebelum memainkan repertoire.
- d) Improvisasi semasa aktiviti

Sampel pengkaji merupakan pelajar tingkatan 2 dari Sekolah Menengah Dato Hamzah, Klang. Terdapat 30 orang pelajar (n=30) yang terdiri daripada berbangsa Melayu, Cina dan India.

Mengikut kajian soal selidik yang dilakukan ke atas pelajar-pelajar ini, sebelum ujian dijalankan ke atas mereka, rata-rata tidak mempunyai pendidikan muzik yang formal. Mereka mendapat pendidikan muzik tidak formal hasil daripada matapelajaran muzik yang dipelajari ketika di sekolah rendah.

Dalam konteks pendidikan muzik, pengetahuan am tentang perkembangan psikologi dapat membantu dan memberi panduan kepada golongan pendidik muzik dalam menghasilkan bahan pengajaran dan kaedah-kaedah yang sesuai digunakan. Begitu juga dengan penerimaan pelajar ke atas apa yang diberikan kepada mereka. Pembentukan ataupun perancangan pengajaran mempunyai perhubungan yang rapat dengan manusia (Johami, 1997, m.s.134). Menurut Spruce (2002), dalam bukunya yang bertajuk *Aspects of Teaching Secondary Music: Perspectives on Practice*, rancangan mengajar, alat bantuan mengajar (ABM) dan buku amat penting agar objektif pengajaran dapat dirujuk dan diaplikasikan supaya ia menjadi lebih berkesan. Namun begitu, seseorang guru itu tidak seharusnya hanya bergantung kepada bahan-bahan sedia ada tetapi haruslah menggunakan kreativiti dan strategi yang lain seperti stail mengajar yang berbeza dengan menggunakan pendekatan yang

berlainan dan pengurusan didalam kelas (*classroom management*) agar pelajar tidak bosan.

Menurut Adamek (2001), penglibatan, tahap pembelajaran berbeza, *input*, *output*, dan tahap sokongan kepada pelajar amat penting bagi mencapai objektif di dalam pengajaran.

Komunikasi juga amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Ee, 2003, m.s. 92). Didalam tulisannya, beliau juga menyentuh mengenai model *Simetri Newcomb* dimana beliau menyatakan bahawa komunikasi merupakan cara yang berkesan bagi individu menyesuaikan diri dengan alam sekitar.

Secara tidak langsung, dengan apa yang diterapkan dalam pembelajaran gamelan, pelajar akan sedar pentingnya persefahaman dan komunikasi antara satu sama lain untuk menghasilkan sesuatu satu permainan yang baik.

1.2 Pernyataan Masalah

Masa merupakan masalah utama yang dihadapi oleh pengkaji. Pelajar-pelajar mempelajari muzik di luar masa persekolahan. Kelas diadakan satu setengah jam ataupun dua jam sebelum kelas formal dimulakan. Memandangkan ia merupakan matapelajaran yang tidak ditekankan, maka kedatangan tidak begitu memuaskan.

4Rata-rata guru yang mengajar muzik tradisional di sekolah pada masa kini menggunakan kaedah *hands-on*. Ini adalah kerana pembelajaran muzik tradisional biasanya diamalkan secara oral melalui *rote-learning* sejak turun

temurun (Matusky, 1985). Secara tidak langsung, ramai guru muzik gamelan mengajar berasaskan kaedah *hands-on* tanpa merujuk sepenuhnya kepada kurikulum. Oleh itu, pengajaran yang tidak begitu sistematik dijalankan kerana tiada sumber pengajaran dan repertoir bertulis yang lengkap yang boleh didapati kecuali rangka kurikulum yang direka oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Unit Kurikulum Jabatan Pelajaran Negeri seperti Jabatan Pelajaran Negeri Perak.

1.3 Objektif Kajian

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanan kaedah Orff di dalam pembelajaran muzik gamelan. Justeru itu, bagi mencapai matlamat tersebut sebanyak 3 objektif khusus telah dibentuk:

- a) Mengkaji keberkesanan kaedah Orff melalui perkusi badan dan pengucapan ritma dalam meningkatkan penerimaan responden ke atas pembelajaran ritma.
- b) Mengkaji keberkesanan pengaplikasian kaedah Orff melalui improvisasi dalam keupayaannya meningkatkan minat dan kebolehan responden dalam permainan.
- c) Mengenalpasti kebolehan pelajar membawa atau mempersembahkan repertoir yang dipelajari melalui penghafalan dan membaca not setelah pengucapan ritma dijalankan.

Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan keberkesanan kaedah Orff dalam pengajaran dan pembelajaran gamelan ke atas satu kumpulan yang dikaji. Satu hipotesis telah dibentuk di akhir kajian. Pengkaji akan melihat penerimaan responden terhadap kaedah Orff yang diperkenalkan. Penerimaan di sini bermaksud, penerimaan responden terhadap pembelajaran konsep muzik iaitu ritma, minat dan intepretasi pada gamelan.

1.5 Persoalan Kajian

Untuk mencapai objektif kajian di atas sebanyak enam persoalan kajian yang telah dipecahkan dibentuk, iaitu:

- a) Adakah pengaplikasian kaedah Orff (improvisasi) lebih berkesan dalam menarik minat pelajar dari segi keyakinan pelajar dalam mempersembahkan muzik gamelan yang dipelajari.
- b) Adakah pengaplikasian kaedah Orff (perkusi badan) dapat meningkatkan penguasaan pelajar ke atas alat muzik gamelan.
- c) Sejauhmanakah proses pengaplikasian kaedah Orff (perkusi badan & improvisasi) dapat mengubah pendapat responden terhadap repertoir gamelan tradisional (adakah repertoir gamelan tradisional menarik untuk dimainkan).

- 05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi
- d) Adakah ritma muzik gamelan menjadi lebih senang dipelajari dan dimainkan oleh pelajar selepas kaedah Orff dalam pengucapan ritma diaplikasikan.
- e) Adakah permainan melalui notasi menjadi lebih mudah ataupun penghafalan menjadi lebih mudah selepas kaedah Orff (pengucapan ritma) diaplikasikan.
- f) Sejauhmanakah pengaplikasian kaedah Orff berupaya mengubah intepretasi pelajar dari segi meningkatkan kesediaan para pelajar untuk bekerjasama dalam sesebuah kumpulan.

1.5 Kepentingan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Pembelajaran yang kreatif dalam sesuatu bidang akan menarik perhatian pelajar-pelajar untuk meneroka pengalaman baru. Kaedah Orff digunakan oleh pengkaji kerana aktiviti-aktiviti yang boleh dihasilkan hasil daripada pembelajaran interaktif yang dijalankan. Menurut Hwei-Hwei (1991), di dalam kajiannya, kaedah Orff adalah antara kaedah yang diminati oleh responden beliau. Mereka berminat dengan aktiviti-aktiviti pendekatan kaedah Orff yang dijalankan.

Pengkaji menitikberatkan pembelajaran ritma kerana menurut Hoffer (1993, m.s. 119), pembelajaran ritma didahulukan sebelum pembelajaran melodi dan pembelajaran melodi didahulukan sebelum pembelajaran harmoni. Oleh itu didalam kajian ini, pelbagai aktiviti pembelajaran ritma iaitu pengucapan ritma dan improvisasi diselitkan. Aktiviti seperti menepuk tangan, menggoyangkan kaki, membaca notasi

nombor menggunakan nama daripada buah-buahan dan menyentuh bahu digunakan. Penggunaan improvisasi oleh pelajar juga dijalankan untuk meningkatkan daya kreativiti mereka.

Pelajar yang dikaji didedahkan kepada konsep ritma yang berbeza dalam lagu baru dipelajari. Contohnya dalam Lagu Lenggang Kangkung, pelajar didedahkan dengan bentuk ritma inang dalam pergendangan dan setiap alat akan bermain ritma yang berlainan seperti ritma di dalam repertoire tradisional. Pelajar akan bertukar-tukar peralatan pada setiap lagu baru yang dipelajari.

Permainan gubahan repertoire baru secara tidak langsung memberi refleksi kepada pelajar untuk mengetahui budaya-budaya yang lain. Seperti kata Palmer(1988):

The world is no longer a vastness of scattered lands with people living, for the most part, in isolation. A new awareness of other cultures has been created by scientific discoveries and technological advances" (pg. 50-54).

Dalam permainan secara ensembel, kerjasama pelajar diterap dalam mempersembahkan satu persembahan yang baik. Pendengaran dan eye-contact amat penting dalam menghasilkan kolaborasi yang baik. Oleh itu pelajar akan diberitahu agar lebih peka dengan keadaan sekitar iaitu mereka tidak bermain secara individu akan tetapi sebagai satu kumpulan.

Pengkaji akan melihat dari segi keberkesanan pengaplikasian kaedah Orff dalam penguasaan alat muzik.

Orff ada menyatakan bahawa penukaran alatan muzik ataupun pengetahuan permainan alatan yang lain akan memberikan pengalaman dalam menghasilkan muzik dan pengetahuan umum tentang alatan muzik tersebut (Goodkin, 2002, m.s.97). Oleh itu pelajar akan bertukar alat setiap kali repertoire baru diajar.

Kaedah Orff juga merupakan satu pendekatan dan bukannya metod. Ia boleh diubahsuai mengikut budaya sesebuah tempat itu. Diharap hasil kajian ini dapat digunakan sebagai panduan dalam pengajaran dan pembelajaran gamelan.

1.6 Batasan Kajian

Batasan yang dihadapi oleh pengkaji dalam kajian ialah:

Pertama, pelajar tingkatan 2 dari sekolah pengkaji terdiri daripada pelajar lelaki. Terdapat cuma 30 orang pelajar yang datang dengan tetap setiap minggu.

Kedua, mereka cuma mempunyai peluang untuk menduduki kelas muzik selama 3 jam sahaja dalam satu minggu. Kadang-kadang pelajar terpaksa menjalani aktiviti-aktiviti yang dikelolakan oleh pihak sekolah dan kelas terpaksa dibatalkan. Oleh itu pembelajaran yang tidak sistematik akan mengganggu penerimaan pelajar terhadap subjek tersebut. Berkemungkinan juga akan berlakunya mortaliti esperimental yang tinggi disebabkan oleh faktor masa juga. (Sidek M. Noah, 2002).

1.8.1 Bentuk

Motif atau tema yang berulang-ulang.

1.8.2 Dinamik

Intensiti dalam bunyi seperti kuat (f) dan perlahan (p) dalam sesebuah repertoire.

1.8.3 Gamelan Melayu

Gamelan yang berasal daripada Riau-Lingga telah dipindahkan ke Pahang pada tahun 1811 kerana perkahwinan antara kedua kerabat ini. Muzik gamelan pada masa itu berfungsi sebagai hiburan bagi kaum kerabat semasa perayaan seperti pertabalan, keputeraan dan lain-lain. Akibat daripada perubahan dari tahun demi tahun, tradisi ini telah bertukar kepada nama baru iaitu Gamelan Melayu.

1.8.4 Harmoni

Harmoni adalah hasil kombinasi not yang menghasilkan dua atau tiga set not yang dimainkan serentak.

1.8.5 Melodi

Merupakan tiun utama yang dinyanyikan. Dihasilkan daripada not-not yang mempunyai pic yang berbeza-beza. Not dalam tiun juga mempunyai ritmanya yang tersendiri.

Biasanya terdapat dalam masyarakat desa dan komuniti petani yang kenal huruf mahupun buta huruf, berbagai-bagai sistem abjad, dan sistem penulisan termasuklah sistem notasi muzik.

1.8.7

Muzik Sinkretik

Muzik yang melibatkan berbagai-bagai jenis muzik vokal, tarian dan teater seperti ghazal, dondang sayang, joget, zapin dan bangsawan. Dalam genre-genre muzik ini, unsur-unsur asli daripada kedua-dua muzik rakyat dan muzik klasik dicampurkan dengan unsur-unsur luar seperti sumber muzik dan teater Arab, Parsi, India, China, dan Barat. Muzik ini bersifat fleksibel dan dari segi perubahan dan penyerapan unsur-unsur sebagai alat-alat muzik, melodi, tekstur, skala, tema dan seni kata.

1.8.8

Kaedah Orff

Pendekatan ini merupakan satu cara untuk mempelajari muzik secara nyanyian, tarian, bermain peralatan khas (alat perkusi berpici dan tidak berpici) dan juga improvisasi. Ia merupakan satu pendekatan ataupun proses pembelajaran dan bukannya metod (Goodkin, 2002). Setiap pelajar dikehendaki berinteraksi dan membuat improvisasi secara aktif di dalam kelas dengan cara yang tersendiri. Secara tidak langsung, frasa muzik yang dihasilkan adalah datangnya dari individu itu sendiri.

Penggunaan seperti menepuk tangan, peha, menghentak kaki, memetik jari dan apa sahaja penggunaan badan yang menghasilkan bunyi boleh dikategorikan sebagai perkusi badan.

1.8.10 Ritma

Satu corak bunyi yang panjang mahupun pendek. Dihasilkan daripada penggunaan nilai-nilai not seperti kuaver, krotchet, semikuaver, semibreve dan lain-lain. Ia dipadankan mengikut tanda masa sesuatu corak muzik tersebut.

1.8.11 Skala Pentatonik

Skala lima nada (1, 2, 3, 5 dan 6) yang lebih tepat mengikut nada tiun barat daripada skala slendro.

1.8.12 Intepretasi

Tafsiran, tentang makna, tujuan, implikasi, penerangan (*Explanation*), ataupun mempersembahkan sesebuah persembahan (Kamus, DBP, 2007)

1.8.13 Minat

Keinginan (kesukaan, kecenderungan) kepada sesuatu, perhatian akan, cenderung kepada, dan gemar akan. (Kamus, DBP, 2007)